

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Isnin, 12 Jun 2023



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BAGI STATISTIK PERDAGANGAN MALAYSIA MENGIKUT NEGERI 2023

TUJUH NEGERI MENCATATKAN PENINGKATAN DUA DIGIT BAGI EKSPORT DAN IMPORT PADA TAHUN 2022

PUTRAJAYA, 12 Jun 2023 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah mengeluarkan Statistik Perdagangan Malaysia Mengikut Negeri 2023 bagi tahun rujukan 2022. Pada tahun 2022, Malaysia mencatatkan jumlah perdagangan bernilai RM2.8 trilion dengan nilai eksport RM1.6 trilion dan import bernilai RM1.3 trilion. Tujuh (7) negeri yang mencatatkan peningkatan dua digit bagi eksport dan import pada tahun 2022 ialah W.P. Labuan, Sarawak, Kedah, Johor, Perlis, Pulau Pinang dan Sabah seperti yang dilaporkan hari ini dalam **STATISTIK PERDAGANGAN MALAYSIA MENGIKUT NEGERI 2023**.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, prestasi eksport Malaysia pada tahun 2022 bernilai RM1.6 trilion, meningkat sebanyak 25.0 peratus berbanding RM1.2 trilion pada tahun sebelumnya. Eksport lebih tinggi direkodkan bagi kebanyakan negeri iaitu Pulau Pinang (+RM107.7 bilion, +30.3%), Johor (+RM84.7 bilion, +35.2%), Sarawak (+RM45.4 bilion, +52.7%), Selangor (+RM22.4 bilion, +8.8%), Kedah (+RM14.4 bilion, +36.1%), Sabah (+RM8.8 bilion, +27.0%), W.P. Labuan (+RM8.2 bilion, +75.3%), W.P. Kuala Lumpur (+RM2.9 bilion, +4.5%), Pahang (+RM2.9 bilion, +8.9%), Negeri Sembilan (+RM2.2 bilion, +9.4%), Melaka (+RM1.2 bilion, +4.1%), Kelantan (+RM1.2 bilion, +42.1%), Perlis (+RM392.1 juta, +34.2%) dan Terengganu (+RM325.7 juta, +1.9%). Walau bagaimanapun, eksport Perak menyusut RM2.2 bilion atau 5.6 peratus kepada RM37.1 bilion.

Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama Malaysia dengan sumbangan 29.9 peratus, diikuti oleh Johor (21.0%) dan Selangor (17.8%). Pertumbuhan eksport disokong oleh eksport litar elektronik bersepadu yang kukuh di Pulau Pinang dan Selangor. Di samping itu, keluaran petroleum bertapis merupakan penyumbang utama eksport di Johor.

Beralih kepada prestasi import mengikut negeri, Jabatan Perangkaan Malaysia memaklumkan import pada tahun 2022 bernilai RM1.3 trilion, meningkat 31.3 peratus berbanding RM987.3 billion pada tahun sebelumnya. Peningkatan import dipacu oleh import yang lebih tinggi oleh kesemua negeri iaitu Johor (+RM96.3 bilion, +49.7%), Pulau Pinang (+RM61.1 bilion, +26.4%), Selangor (+RM56.0 bilion, +20.2%), Kedah (+RM16.2 bilion, +28.0%), Melaka (+RM15.6 bilion, +61.4%), W.P. Kuala Lumpur (+RM15.5 bilion, +21.0%), Negeri Sembilan (+RM12.9 bilion, +41.2%), Sarawak (+RM10.8 bilion, +46.0%), Pahang (+RM7.3 bilion, +47.7%), Perak (+RM4.8 bilion, +14.9%), Sabah (+RM2.1 bilion, +25.8%), W.P. Labuan (+RM1.4 bilion, +71.2%), Terengganu (+RM1.1 bilion, +21.9%), Perlis (+RM425.0 juta, +50.9%) dan Kelantan (+RM191.0 juta, +9.9%).

Selangor terus mendominasi import Malaysia dengan 25.7 peratus, diikuti oleh Pulau Pinang (22.6%) dan Johor (22.4%). Import yang tinggi dicatatkan di Selangor disumbangkan oleh barangan elektrik dan elektronik lain. Di samping itu, litar elektronik bersepadu merupakan penyumbang utama import di Pulau Pinang. Manakala keluaran petroleum bertapis merupakan penyumbang utama import di Johor.

Penerbitan ini mengandungi statistik Perdagangan Antarabangsa (barangan) berkaitan eksport dan import di peringkat negeri dengan seluruh dunia dari tahun 2017 hingga 2022. Penerbitan ini juga menyediakan statistik terperinci bagi setiap negeri mengikut komoditi utama/terpilih, negara asal dan negara destinasi bagi tahun 2020 hingga 2022.

Statistik Perdagangan Malaysia mengikut Negeri 2023 bertujuan untuk menyediakan statistik terperinci di peringkat negeri kepada pihak berkepentingan. Statistik komprehensif ini dihasilkan daripada modul *Trade Enterprise Characteristics* (TEC), iaitu salah satu inisiatif Jabatan di bawah *Statistics Big Data Analytics* (STATSBDA). TEC mengintegrasikan dua domain statistik yang berbeza iaitu pangkalan data perdagangan barangan antarabangsa dan *Malaysia Statistical Business Register* (MSBR). Statistik ini memberikan maklumat penting kepada penggubal dasar untuk merangka perancangan strategik bagi negeri-negeri yang terlibat dalam perdagangan antarabangsa.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah *“Connecting the World with Data We Can Trust”*.

DOSM akan mengeluarkan Anggaran KDNK Awalan bermula pada suku tahun kedua 2023. Anggaran awalan ini merupakan inisiatif yang dilaksanakan oleh DOSM untuk memberikan gambaran prestasi ekonomi empat (4) minggu awal sebelum KDNK Suku Tahunan dikeluarkan.

Paparan 1: Statistik Perdagangan Malaysia Mengikut Negeri, 2022



Nota:

1. Aktiviti eksport dan import yang berlaku di kawasan Supra (melibatkan aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri) atau peredaran yang dilakukan oleh dan pengangkutan tidak termasuk dalam infografi ini.
2. Nilai eksport atau import bagi W.P. Kuala Lumpur adalah termasuk W.P. Putrajaya.
3. Statistik yang dipaparkan adalah menunjuk kepada statistik provisional dan terbituk kepada pindaan dalam edisi seterusnya.

Sumber: Statistik Perdagangan Malaysia Mengikut Negeri 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Paparan 2: Tiga Komoditi Utama Eksport dan Import Mengikut Negeri, 2022



STATISTIK PERDAGANGAN MALAYSIA MENGIKUT NEGERI

EKSPORT 3 KOMODITI UTAMA MENGIKUT NEGERI, 2022

JOHOR Keluaran petroleum bertapis RM102,069 juta (31.4%) Litar elektronik bersepadu RM36,576 juta (10.9%) Barangan elektrik & elektronik lain RM22,346 juta (6.9%)	KEDAH Litar elektronik bersepadu RM18,672 juta (34.1%) Injap dan tiub lain, fotosel, d.i.l. RM6,039 juta (9.3%) Barangan elektrik & elektronik lain RM4,061 juta (7.4%)	KELANTAN Petroleum mentah RM1,596 juta (41.1%) Injap dan tiub lain, fotosel, d.i.l. RM969 juta (22.4%) Getah asli RM562 juta (14.5%)
MELAKA Litar elektronik bersepadu RM5,971 juta (18.8%) Injap dan tiub lain, fotosel, d.i.l. RM5,916 juta (18.6%) Barangan elektrik & elektronik lain RM3,225 juta (10.1%)	NEGERI SEMBILAN Barangan elektrik & elektronik lain RM5,584 juta (22.2%) Keluaran petroleum bertapis RM2,352 juta (9.5%) Litar elektronik bersepadu RM1,922 juta (7.6%)	PAHANG Batang pipih, batang bulat, s.s.b, dipadasi besi dan sedulir RM14,119 juta (39.7%) Oleokimia berasaskan kelapa sawit RM3,424 juta (9.6%) Barangan elektrik & elektronik lain RM1,415 juta (4.0%)
PULAU PINANG Litar elektronik bersepadu RM187,799 juta (40.5%) Barangan elektrik & elektronik lain RM62,163 juta (11.9%) Kristal piezo elektrik & alat ganti RM42,728 juta (9.2%)	PERAK Litar elektronik bersepadu RM4,907 juta (13.2%) Kelengkapan elektronik, alat ganti & aksesori RM4,705 juta (12.7%) Sarung tangan getah RM3,685 juta (9.9%)	PERLIS Pakian & kelengkapan terpilih RM4401 juta (28.0%) Barangan elektrik & elektronik lain RM166 juta (10.1%) Kapur, simen dan bahan-bahan binaan buatan RM890 juta (9.9%)
SELANGOR Litar elektronik bersepadu RM34,889 juta (12.4%) Barangan elektrik & elektronik lain RM21,342 juta (7.7%) Minyak kelapa sawit RM17,018 juta (6.1%)	TERENGGANU Keluaran petroleum bertapis RM5,624 juta (31.5%) Petroleum mentah RM3,109 juta (17.4%) Alat dan perkakas (khusus, paing dan kawalan, t.s.t.) RM1187 juta (1.0%)	SABAH Minyak kelapa sawit RM20,349 juta (48.0%) Gas asli cecair - LNG RM5,227 juta (12.9%) Petroleum mentah RM4,890 juta (12.0%)
SARAWAK Gas asli cecair - LNG RM81,776 juta (48.9%) Minyak kelapa sawit RM19,069 juta (14.5%) Petroleum mentah RM6,889 juta (7.4%)	W.P. KUALA LUMPUR Keluaran petroleum bertapis RM14,218 juta (20.8%) Minyak kelapa sawit RM6,480 juta (9.0%) Barangan elektrik & elektronik lain RM4,099 juta (6.0%)	W.P. LABUAN Keluaran petroleum bertapis RM5,414 juta (44.2%) Petroleum mentah RM6,734 juta (35.4%) Metanol RM2,294 juta (12.1%)

IMPORT 3 KOMODITI UTAMA MENGIKUT NEGERI, 2022

JOHOR Keluaran petroleum bertapis RM97,397 juta (33.6%) Petroleum mentah RM27,145 juta (9.4%) Litar elektronik bersepadu RM26,237 juta (9.1%)	KEDAH Litar elektronik bersepadu RM36,844 juta (48.8%) Kristal piezo elektrik & alat ganti RM6,882 juta (7.7%) Perkakas (litar elektrik & alat ganti) RM3,888 juta (5.0%)	KELANTAN Jentera & kelengkapan khusus untuk industri tertentu & alat ganti RM143 juta (8.2%) Injap dan tiub lain, fotosel, d.i.l. RM89 juta (4.2%) Kristal piezo elektrik & alat ganti RM60 juta (2.9%)
MELAKA Petroleum mentah RM17,737 juta (43.1%) Litar elektronik bersepadu RM3,276 juta (8.0%) Injap dan tiub lain, fotosel, d.i.l. RM1,731 juta (4.2%)	NEGERI SEMBILAN Petroleum mentah RM7,832 juta (17.7%) Keluaran petroleum bertapis RM3,705 juta (8.4%) Kristal piezo elektrik & alat ganti RM1,695 juta (3.8%)	PAHANG Keluaran petroleum bertapis RM4,861 juta (21.5%) Saluran, paip dan pasangan besikalif RM639 juta (2.8%) Motorbas & lori, belum dipasang RM383 juta (1.7%)
PULAU PINANG Litar elektronik bersepadu RM108,341 juta (38.2%) Kristal piezo elektrik & alat ganti RM34,842 juta (11.9%) Barangan elektrik & elektronik lain RM21,884 juta (7.9%)	PERAK Kristal piezo elektrik & alat ganti RM3,228 juta (8.8%) Litar elektronik bersepadu RM2,362 juta (6.4%) Barangan elektrik & elektronik lain RM1,183 juta (3.2%)	PERLIS Sayur-sayuran RM175 juta (13.9%) Barangan elektrik & elektronik lain RM128 juta (10.2%) Ikan, segar, dikalangkannya atau disedibekukan RM81 juta (6.4%)
SELANGOR Barangan elektrik & elektronik lain RM18,352 juta (5.5%) Keluaran petroleum bertapis RM15,565 juta (4.7%) Pesawat udara & kelengkapan & alat ganti RM15,073 juta (4.5%)	TERENGGANU Kelengkapan pemijatan & pendinginan & alat ganti RM1,137 juta (19.0%) Gula daripada bit atau tebu RM369 juta (6.2%) Saluran, paip dan pasangan besikalif RM169 juta (2.8%)	SABAH Baja, dikalangkannya RM1,545 juta (15.2%) Beras RM519 juta (5.1%) Keluaran besi gelek rata atau keluli RM386 juta (3.8%)
SARAWAK Keluaran petroleum bertapis RM2,258 juta (6.6%) Barangan elektrik & elektronik lain RM1,795 juta (5.2%) Baja, dikalangkannya RM1,534 juta (4.9%)	W.P. KUALA LUMPUR Keluaran petroleum bertapis RM7,984 juta (9.0%) Kelengkapan elektronik, alat ganti & aksesori RM5,538 juta (6.9%) Barangan elektrik & elektronik lain RM5,747 juta (6.5%)	W.P. LABUAN Kapal, bot & struktur terapung RM282 juta (8.4%) Alat & perkakas mengukir, memeksa menganalisis & kawalan RM194 juta (4.4%) Saluran, paip dan pasangan besikalif RM186 juta (4.9%)

Nota:

- Aktiviti eksport dan import yang berlaku di kawasan Supra (meliputi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat keperluan ekonomi utama bagi mana-mana negeri) atau perlakuan yang dilakukan oleh agensi pengantar tidak termasuk dalam infografik ini.
- Nilai eksport atau import bagi W.P. Kuala Lumpur adalah termasuk W.P. Putrajaya.
- Angka dalam kurungan adalah peratus sumbangan kepada eksport atau import di setiap negeri.
- Statistik yang dipaparkan adalah merujuk kepada statistik provisionil dan terlekat kepada pindaan dalam keluaran berikutnya.

Sumber: Statistik Perdagangan Malaysia Mengikut Negeri 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Paparan 3: Tiga Destinasi Eksport dan Negara Asal Utama Mengikut Negeri, 2022



Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
12 JUN 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

PRESS STATEMENT

FOR MALAYSIA TRADE STATISTICS BY STATE 2023

SEVEN STATES REGISTERED A DOUBLE DIGIT GROWTH FOR EXPORTS AND IMPORTS IN 2022

PUTRAJAYA, 12 June 2023 – Department of Statistics Malaysia (DOSM) has released Malaysia Trade Statistics by State 2023 for reference year 2022. In 2022, Malaysia's total trade amounted to RM2.8 trillion with exports of RM1.6 trillion and imports worth RM1.3 trillion. Seven (7) states registered a double digit growth for exports and imports in 2022 were W.P. Labuan, Sarawak, Kedah, Johor, Perlis, Pulau Pinang and Sabah as reported today in **MALAYSIA TRADE STATISTICS BY STATE 2023**.

According to the Department of Statistics Malaysia, export performance has shown that Malaysia's exports valued at RM1.6 trillion in 2022, weighed up 25.0 per cent as compared to RM1.2 trillion in the previous year. Higher exports were recorded in most states such as Pulau Pinang (+RM107.7 billion, +30.3%), Johor (+RM84.7 billion, +35.2%), Sarawak (+RM45.4 billion, +52.7%), Selangor (+RM22.4 billion, +8.8%), Kedah (+RM14.4 billion, +36.1%), Sabah (+RM8.8 billion, +27.0%), W.P. Labuan (+RM8.2 billion, +75.3%), W.P. Kuala Lumpur (+RM2.9 billion, +4.5%), Pahang (+RM2.9 billion, +8.9%), Negeri Sembilan (+RM2.2 billion, +9.4%), Melaka (+RM1.2 billion, +4.1%), Kelantan (+RM1.2 billion, +42.1%), Perlis (+RM392.1 million, +34.2%) and Terengganu (+RM325.7 million, +1.9%). However, exports decreased in Perak by RM2.2 billion or 5.6 per cent to RM37.1 billion.

Pulau Pinang remained as the top exporter with a share of 29.9 per cent, followed by Johor (21.0%) and Selangor (17.8%). The export expansion was underpinned by strong exports of electronic integrated circuits in Pulau Pinang and Selangor. Meanwhile, refined petroleum products were the main contributors of exports in Johor.

Looking at the performance of imports by state, the Department of Statistics Malaysia informed imports in 2022 amounted RM1.3 trillion, increased 31.3 per cent as compared to RM987.3 billion in the previous year. The increase in imports was due to higher imports by all states namely Johor (+RM96.3 billion, +49.7%), Pulau Pinang (+RM61.1 billion, +26.4%), Selangor (+RM56.0 billion, +20.2%), Kedah (+RM16.2 billion, +28.0%), Melaka (+RM15.6 billion, +61.4%), W.P. Kuala Lumpur (+RM15.5 billion, +21.0%), Negeri Sembilan (+RM12.9 billion, +41.2%), Sarawak (+RM10.8 billion, +46.0%), Pahang (+RM7.3 billion, +47.7%), Perak (+RM4.8 billion, +14.9%), Sabah (+RM2.1 billion, +25.8%), W.P. Labuan (+RM1.4 billion, +71.2%), Terengganu (+RM1.1 billion, +21.9%), Perlis (+RM425.0 million, +50.9%) and Kelantan (+RM191.0 million, +9.9%).

Selangor continued to dominate Malaysia's imports with a share of 25.7 per cent, followed by Pulau Pinang (22.6%) and Johor (22.4%). Higher imports recorded in Selangor was contributed by other electrical and electronic products. In addition, electronic integrated circuits were the main contributors of imports in Pulau Pinang. Meanwhile, refined petroleum products were the main contributors of imports in Johor.

This publication contains statistics of Malaysia's External Trade (merchandise) on imports and exports at the state level with the rest of the world from 2017 to 2022. In addition, this publication provides detailed statistics for each state according to major/selected commodities, country of origin and destination from 2020 to 2022.

Malaysia Trade Statistics by State 2023 aims to provide detailed statistics at the state level to the stakeholders. These comprehensive statistics are generated from the Trade Enterprise Characteristics (TEC) module which is one of the Department's initiatives under the Statistics Big Data Analytics (STATSBDA). TEC integrates two different statistics domains: the international merchandise trade database and Malaysia Statistical Business

Register (MSBR). These statistics provide imperative information to policymakers to formulate strategic planning for states involved in international trade.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.

DOSM will release Preliminary GDP Estimates commencing the second quarter of 2023. This preliminary estimate is an initiative by DOSM to provide an overview of the economic performance four (4) weeks in advance before the Quarterly GDP is released.

Exhibit 1: Malaysia Trade Statistics by State, 2022




Exhibit 2: Top 3 Export and Import Commodities by State, 2022




Exhibit 3: Top 3 Country of Destination and Country of Origin by State, 2022



Released by:

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
12 JUNE 2023